

SOALAN LAZIM KURSUS INDUKSI (FAQ)

Soalan 1 :

Bagaimanakah caranya untuk saya mengemukakan permohonan mengikuti Kursus Induksi?

Anda tidak perlu membuat permohonan mengikuti Kursus Induksi kerana pemilihan untuk mengikuti Kursus Induksi adalah dibuat oleh Unit Peperiksaan Jabatan dan Induksi (PJI), Cawangan Latihan dan Kompetensi, Bahagian Sumber Manusia, KPKT iaitu berdasarkan kepada tarikh lantikan Pegawai.

Selain itu, Unit PJI akan meminta Jabatan/Bahagian yang berkaitan untuk mengemukakan maklum balas Pegawai yang masih belum menghadiri Kursus Induksi serta Kursus Kenegaraan setiap suku tahun.

Soalan 2 :

Saya telah hadir dan lulus Kursus Induksi SSB/ SSM atau Peperiksaan Am Kerajaan ketika berada di gred jawatan lama. Perlukah saya menghadiri Kursus Induksi sekali lagi sekiranya saya dilantik ke jawatan baru?

Sekiranya Kursus Induksi atau Peperiksaan Am Kerajaan yang telah dihadiri adalah di daripada kumpulan yang sama dengan kumpulan Kursus Induksi di jawatan baru, anda boleh dikecualikan daripada menghadiri Kursus Induksi di jawatan baru. Maklumat lanjut mengenai pengecualian Kursus Induksi bolehlah dirujuk kepada surat JPA Bil. JPA 241/46 Jld. V (69) bertarikh 1 April 1993.

Soalan 3 :

Sekiranya saya ingin memohon untuk dikecualikan daripada menghadiri Kursus Induksi, apakah prosedur-prosedur yang perlu saya lakukan?

Sila rujuk topik [Pengecualian Mengikuti Kursus Induksi](#)

Soalan 4 :

Siapakah Panel Penggubal soalan untuk ujian akhir Kursus Induksi Modul Umum?

Bagi Kursus Induksi Modul Umum Kumpulan I, soalan digubal oleh Panel Penggubal Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Unit PJI akan menyelaraskan tarikh peperiksaan dengan JPA dan memohon soalan daripada pihak JPA bagi tujuan mengadakan ujian akhir untuk Induksi Umum.

Panel Penggubal soalan bagi Kumpulan II dan III pula merupakan Panel Penggubal soalan dari KPKT.

Soalan 5 :

Berapakah tempoh masa keputusan Kursus Induksi boleh diperolehi atau diketahui oleh peserta?

Keputusan dan Sijil Kursus akan diperolehi oleh peserta setelah Jawatankuasa Pensijilan dan Penilaian Latihan, KPKT bersidang dan mengesahkan keputusan tersebut. Proses ini mengambil masa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh akhir mengikuti Kursus Induksi. Sijil Kursus Induksi tersebut akan dihantar kepada individu melalui Jabatan/Bahagian masing-masing.

Soalan 6 :

Bagaimana pula bagi mereka yang kandas atau gagal hadir penuh dalam Kursus Induksi?

Setiap peserta Kursus Induksi perlu lulus setiap komponen penilaian yang telah ditetapkan dan hadir penuh sepanjang Kursus Induksi dijalankan. Bagi peserta kursus yang gagal salah satu komponen penilaian atau gagal hadir penuh tanpa mengemukakan Sijil Cuti Sakit atau tanpa sebab yang munasabah, mereka perlu mengulang keseluruhan Kursus Induksi tersebut.

Soalan 7 :

Apakah yang dimaksudkan dengan sistem Penggredan Markah bagi Kursus Induksi?

Setiap peserta Kursus Induksi perlu lulus setiap komponen penilaian yang telah ditetapkan dan keputusan akhir peserta adalah berdasarkan kepada sistem penggredan markah seperti berikut :-

Cemerlang	90% – 100%
Kepujian	70% – 89%
Lulus	50 % – 69%
Gagal	49% dan ke bawah

Keputusan ini akan dicatatkan di dalam Sijil Kursus setiap peserta.

Di sediakan oleh:

Unit Peperiksaan Jabatan dan Induksi.
Cawangan Latihan dan Kompetensi
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan